

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKE 317/318 – Perdagangan Antarabangsa**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.


Jawab SEMUA soalan. Jawapan hendaklah dibuat pada ruang yang disediakan di atas kertas soalan ini.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN INI KEPADA KETUA PENGAWAS.

JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALAN INI.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

1. Perhatikan lakaran di bawah. Dengan menggunakan maklumat yang diberi jawab soalan (a) hingga (j).



**Gambarajah A**

Diberi  $X_i$  sebagai titik asal pengeluaran komoditi eksport

$M_i$  sebagai titik asal penggunaan komoditi import

$AB$  sebagai keluk transformasi

$UV$  sebagai keluk puas sama masyarakat

$P_i$  sebagai harga dunia

Sekiranya negara tersebut mengenakan tarif ad-valorem keatas barang yang di import:

- (a) Lakarkan keluk harga domestik selepas tariff di atas gambarajah yang disediakan. (2 markah)
- (b) Tandakan titik pengeluaran yang baru di atas gambarajah yang disediakan. (2 markah)
- (c) Lakarkan keluk puas sama yang baru di atas gambarajah yang disediakan. (2 markah)

- (d) Tandakan titik penggunaan yang baru di atas gambarajah yang disediakan.  
(2markah)
- (e) Tandakan segitiga niaga yang asal dan yang baru di atas gambarajah yang disediakan.  
(2 markah)
- (f) Adakah tarif membawa kebaikan atau keburukan kepada kebajikan masyarakat bagi negara ini? Jelaskan  
(4 markah)
-

(g) Sekiranya negara ini ialah negara besar, adakah jawapan bagi soalan (f) berbeza? Ya/Tidak .

(2 markah)

(h) Andaikan negara yang mengenakan tariff ke atas barang yang di impot ialah sebuah negara besar. Adakah apa-apa perubahan bagi syarat niaga? Jelaskan.

( 4 markah)

---

(i) Apakah takrifan bagi tarif Optimum

(2 markah)

---

(j) Bagaimanakah tariff optimum dapat berfungsi bagi sesebuah negara BESAR?

(3 markah)

2. Walaupun perdagangan bebas membenarkan sesebuah negara MENGKHUSUS dan MENGGUNA di luar dari sempadan keluk transformasi tetapi pada hakikatnya tiada sebuah negara pun yang benar-benar mengamalkan perdagangan bebas secara hakiki. Antara hujah-hujah yang selalu di beri, hujah industri muda lebih di terima sebagai justifikasi kepada tariff yang di kenakan ke atas impot.

(a) Siapakah yang memperkenalkan hujah industri muda.

(2 markah)

(b) Jelaskan apakah hujah industri muda?

(5 markah)

---

- (c) Walaupun begitu hujah industri muda masih ada kelemahannya. Jelaskan  
(3 markah)

- 
- (d) Selain hujah industri muda namakan 5 lagi sebab-sebab mengapa tarif di kenakan.  
(5 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 317/318]

- 8 -

- (e) Pilih DUA dari jawapan (c) terangkan mengapa hujah tersebut tidak semestinya BENAR,

(10 markah)



3. Sebuah industri pengeluaran kek telah dilawati oleh pelajar PJJ USM. Mereka diminta menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan tariff.

Di beri satu unit kek berharga

$P = \text{RM } 100$ ,

input (tepung, gula mentega dan telur) untuk mengeluarkan satu unit kek ialah RM 60 dan

koefisien input pertengahan (a) ialah 0.6 dan oleh itu nilai input pertengahan ialah  $aP = \text{RM}60$

- (a) cari nilai tambah (v)

(5 markah)

- 
- (b) andaikan tarif nominal (t) sebanyak 20 % di kenakan ke atas kek tersebut berapakah nilai perlindungan tariff berkesan (e)

(5 markah)

- (c) Sekiranya kek dikenakan tariff nominal (t) sebanyak 20% dan input pertengahan dikenakan tariff (ti) pada kadar 10 %, cari nilai perlindungan tarif berkesan (e).

(5 markah)

- 
- (d) Sekiranya kek dikenakan tariff nominal (t) sebanyak 10% dan input pertengahan di kenakan tariff (ti) sebanyak 20 %, cari nilai perlindungan tarif berkesan (e).

(5 markah)

- (e) Apakah rumusan anda tentang tariff nominal dan perlindungan sebenar berdasarkan jawapan (c) dan (d)?

(5 markah)

---

4. Soalan berikut bersekitaran keluk penawaran dan kesan-kesan tarif.

- (a) Apakah yang ditunjukkan oleh keluk penawaran sesebuah negara?

(4 markah)

- (b) Tunjukkan secara lakaran bagaimana keluk penawaran sesebuah negara diperolehi.

(5 markah)


---

(c) Beri tiga faktor yang menyebabkan keluk penawaran bergerak ke kanan.


(6 markah)

- (d) Di beri gambarajah seperti di bawah dan  $P_1$  ialah syarat niaga dan  $OA$  ialah keluk penawaran bagi negara bernama Fatamorgana. Andaikan negara Fatamorgana mengenakan tariff keatas barang impotnya. Tunjukkan perubahan (sekiranya ada) keatas keluk penawaran negara tersebut sekiranya Fatamorgana ialah sebuah negara KECIL. Apakah perbezaannya (sekiranya ada) sekiranya Fatamorgana ialah sebuah negara BESAR Lakarkan di atas gambarajah yang sama dan jelaskan .

(5 markah)



- (e) Andaikan sebuah negara lagi namakan negara Fantasi berdagang dengan negara Fatamorgana pada syarat niaga yang diberi iaitu  $P_1$ . Andaikan kedua-dua negara merupakan negara besar.



- i) Lakarkan keluk penawaran bagi negara Fantasi.
- ii) Tandakan titik keseimbangan sebagai G selepas negara Fantasi mengenakan tarif sekiranya negara Fatamorgana tidak bertindak balas.
- iii) Tandakan titik keseimbangan sebagai H sekiranya negara Fatamorgana bertindak balas.

(5 markah)